

e-Buletin

UNIT PSV JSS IPGM KTI

KURSUS PENGENALAN ASAS GRAFITTI

7 FEBRUARI 2024 - Kursus pengenalan grafiti yang dianjurkan oleh Muhammad Fakhru Akmal (pakar grafiti) telah diadakan bertempat di Perpustakaan Sultan Ismail, Larkin, Johor Bharu pada jam 8.30 pagi sehingga 5.00 petang. Kursus ini bertujuan untuk memberikan pendedahan berkenaan seni grafiti. Kursus ini juga telah melibatkan kesemua 24 orang pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Persediaan Pendidikan Seni Visual Ambilan Jun 2022/2027. Antara pengisian kursus ini adalah pengenalan kepada teknik grafiti serta amali grafiti yang dilakukan pada dinding PSI.



PENEROKAAN TEKNIK GRAFITTI

TEKNIK GRAFITTI

Seni grafiti merupakan seni contengan atau tulisan yang dilakar di atas permukaan rata. Contohnya seperti dinding. Seni grafiti ini menggunakan pelbagai jenis warna dan bentuk mengikut kreativiti pengkaryanya.

Melalui kursus ini pelajar-pelajar didedahkan dengan teknik yang betul semasa menghasilkan grafiti. Di samping itu, pelajar juga dapat mengetahui alat dan bahan yang digunakan untuk menghasilkan seni grafiti ini.

